



**UCAPAN ALUAN DAN PERASMIAN**  
***DIALOG SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN BERSAMA***  
***AGENSI PENGUATKUASAAN***  
***ZON WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN***  
**31 MAC 2015**  
**FINANCIAL PARK, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

---

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM  
SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI.

YANG DIHORMATI SAUDARA Pengerusi Majlis,

YANG BERBAHAGIA KETUA-KETUA PENGARAH, PEGAWAI-PEGAWAI  
PENGUAT KUASA DAN SEMUA WARGA KERJA AGENSI PENGUATKUASAAN  
ZON WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN,

YANG DIHORMATI AHLI-AHLI PESURUHJAYA SURUHANJAYA INTEGRITI  
AGENSI PENGUATKUASAAN ATAU *ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY*  
*COMMISSION* (EAIC) SERTA WARGA KERJA EAIC, SELAKU URUSETIA  
MAJLIS PADA HARI INI.

1. Syukur ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan keizinan dan limpah kurnia Nya kita dapat sama-sama hadir ke program Dialog EAIC bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan yang mengumpulkan penjawat-penjawat awam dari agensi-agensi penguatkuasaan Zon Wilayah Persekutuan Labuan pada hari ini.
2. Bagi pihak EAIC, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada tuan-tuan dan puan-puan, kerana sudi memenuhi jemputan kami pada hari ini.
3. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, ini merupakan sesi dialog pertama yang kami anjurkan bagi pegawai-pegawai penguat kuasa di Zon Wilayah Persekutuan Labuan. Terdahulu sejak dari awal tahun 2012 kami telah pun mengadakan beberapa siri dialog seperti ini hampir ke seluruh negeri di Semenanjung Malaysia mengikut zon (utara, selatan dan timur) termasuk di Sabah dan Sarawak.
4. Objektif utama kami dalam menganjurkan program ini adalah:

- i. untuk menerangkan dengan lebih jelas mengenai peranan dan fungsi EAIC seperti yang dinyatakan di dalam Akta Suhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (Akta 700); dan
- ii. membincangkan usaha dan kerjasama kedua-dua pihak dalam membanteras salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa / agensi penguatkuasaan serta meningkatkan integriti dalam aktiviti penguatkuasaan undang-undang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

5. Esok, 1 April 2015 genaplah usia penubuhan EAIC yang ke empat tahun. Penubuhan EAIC bertitik tolak daripada cadangan awal penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia, khusus bagi mengendalikan aduan-aduan salah laku oleh anggota dan pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM). Lanjutan itu Kerajaan memutuskan adalah lebih berfaedah

untuk menubuhkan sebuah agensi yang bukan sahaja untuk menguruskan aduan berkaitan salah laku ke atas anggota-anggota PDRM, tetapi juga terhadap anggota dan pegawai penguat kuasa / agensi-agensi penguatkuasaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu Parlimen telah meluluskan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] yang diwartakan pada 3 September 2009 dan seterusnya menubuhkan EAIC secara rasminya pada 1 April 2011.

6. Kewujudan EAIC telah membuka satu lagi saluran alternatif kepada rakyat selain daripada saluran tradisional sedia ada seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Biro Pengaduan Awam (BPA) di Jabatan Perdana Menteri dan bahagian tatatertib agensi-agensi penguatkuasaan untuk orang awam dapat membuat aduan sekiranya mereka mempunyai asas bahawa pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan terlibat dalam perlakuan salah laku.
7. Selain itu, EAIC turut diberikan mandat untuk merumuskan perundangan, mengesyorkan penambahbaikan tatacara, dan prosedur

pentadbiran, dalam memperkasakan integriti di kalangan agensi seliaannya. Oleh itu objektif penubuhan EAIC bukanlah untuk mencari kesalahan atau membuka keaiban seseorang pegawai penguat kuasa / sesuatu agensi penguatkuasaan, sebaliknya, EAIC haruslah dilihat sebagai sebuah medium untuk membantu agensi penguatkuasaan dalam pemantapan integriti sekali gus memperbaiki persepsi serta meningkatkan akauntabiliti perkhidmatan institusi penguatkuasaan di negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Dalam suasana negara kita yang sedang pesat membangun ke arah mencapai matlamat menjadi negara maju dalam tahun 2020 dan dalam era globalisasi serta kemajuan teknologi maklumat lebih canggih, agensi-agensi penguatkuasaan khususnya pegawai-pegawai penguatkuasa memikul amanah dan cabaran yang lebih getir dalam memelihara dan melaksanakan tugas-tugas berkaitan kepatuhan dan kedaulatan undang-undang. Kerumitan penguatkuasaan undang-undang

akan lebih dirasakan dalam kes-kes kesalahan rentas sempadan (trans-boundries) dan aktiviti jenayah yang terancang. Segala tindakan atau tindak tanduk agensi penguatkuasaan dan pegawai penguat kuasa juga akan menjadi lebih terdedah kepada penelitian dan kepekaan orang ramai termasuk oleh badan-badan bukan kerajaan (NGOs) baik di dalam mahu pun di luar negara. Kejadian-kejadian tertentu yang dimuat naik melalui aplikasi internet akan menjadi “viral” di alam maya dalam beberapa saat sahaja dan berupaya mencemarkan atau merosakkan nama baik dan imej pegawai serta agensi terlibat.

9. Justeru dalam melaksanakan mandat yang diamanahkan kepada EAIC selaku badan bebas yang dibentuk melalui Akta 700, kami telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan program dialog sebegini selaras dengan fungsi yang diperuntukkan dalam Akta 700 tersebut, iaitu di bawah seksyen 4 (1) (e): *EAIC bertanggungjawab menggalakkan kesedaran tentang penambahbaikan dan pendidikan berhubung integriti dan mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa.*

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Sesi dialog ini juga adalah merupakan salah satu usaha EAIC untuk membentuk pemahaman, serta menimbulkan kepekaan pegawai-pegawai penguat kuasa terhadap isu-isu berkaitan perlakuan salah laku, salah guna kuasa dan jenayah rasuah. Seksyen 24 Akta 700 menyebutkan tentang ruang lingkup salah laku. Istilah salah laku tersebut bukan sahaja merangkumi tindakan yang diambil secara tidak munasabah, tidak adil, menindas atau mempunyai elemen diskrimasi yang tidak wajar atau motif yang tidak wajar, tetapi juga meliputi ketinggalan (omission) atau kegagalan mengambil tindakan. Saya percaya perincian ke atas perkara ini akan dapat difahami dengan lebih lanjut melalui sesi taklimat oleh Pengarah Bahagian Operasi EAIC selepas ini. Melalui program ini juga, kami ingin memberikan peluang kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk berdialog secara langsung dengan EAIC mengenai sebarang kemusykilan berkaitan peranan dan fungsi kami.

11. Menoleh kebelakang, insiden-insiden seperti kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur yang berlaku di tanah tinggi Cameron Highlands, Pahang pada akhir tahun lepas (2014) yang mengorban beberapa nyawa dan mengakibatkan kerosakan besar harta benda termasuk kemusnahan alam sekitar dan dapatan (findings) siasatan oleh Suruhanjaya Siasatan DiRaja Berkaitan Pendatang Asing di Sabah melalui laporan Suruhanjaya tersebut yang diumumkan oleh kerajaan kepada awam pada akhir tahun lepas, telah memberi pengajaran dan tauladan kepada kita khususnya agensi penguatkuasaan ke atas akibat daripada kegagalan atau kelemahan penguatkuasaan undang-undang oleh pelbagai agensi yang bertanggungjawab terhadapnya dan isu-isu salah laku atau penyelewengan pegawai penguat kuasa serta ketiadaan kordinasi di antara agensi penguatkuasaan sehingga berupaya menjejaskan keselamatan dan kemakmuran negara. Belum tamat kerja-kerja atau usaha penambahbaikan imej agensi penguatkuasaan serta "damage control" akibat daripada dua peristiwa di atas, masyarakat dikejutkan lagi dengan isu-isu baru yang melibatkan penahanan atau tangkapan pegawai-pegawai



penguatkuasa berkaitan aktiviti penyeludupan disel di sempadan negara, pengeluaran lesen memandu "terbang" dan salah laku yang melibatkan perolehan aset jabatan. Kejadian-kejadian tersebut bukanlah merupakan kejadian atau gejala yang baharu wujud tetapi lebih merupakan pengulangan kejadian yang serupa yang telah berlaku sebelumnya. Ini melihatkan usaha-usaha peningkatan dan pemantapan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa belum menghasilkan kejayaan yang boleh dibanggakan serta kegagalan agensi penguatkuasaan terlibat mengesan awal ketirisan disiplin yang berlaku dan ketidakpatuhan kepada tatacara kerja standard (SOP) agensi. Masyarakat melihat perkara ini dengan sinis dan membentuk persepsi negatif. Cabaran kita bersama adalah bagaimana kredibiliti dan keyakinan masyarakat dapat dikembalikan dan dibina semula. Kejadian dan salah laku yang dilakukan oleh segelintir kecil pegawai penguat kuasa yang tidak jujur atau tidak bertanggungjawab bukan sahaja mencalarkan imej agensi atau jabatan tetapi juga ke atas nama baik sebilangan besar pegawai yang telah melaksanakan tugas dengan jujur dan penuh dedikasi. Pepatah mengatakan "kerana setitik nila, rosak susu sebelanga". Jangalah kita tergolong kepada

pepatah yang mengatakan "harapkan pagar, pagar makan pagi". Maka itu adalah mustahak tindakan afirmatif diambil oleh ketua jabatan atau pihak berkuasa tatatertib terhadap pegawai penguat kuasa yang telah didapati melakukan salah laku untuk memastikan atau membasmi sel-sel barah dari merebak dan merosakkan bahagian lain tubuh atau agensi tersebut. Pegawai penguat kuasa juga sebagai pegawai awam adalah sentiasa terikat dengan Perintah-Perintah Am Bab D – Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan 2002) yang memperuntukkan perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan atau boleh dilakukan oleh seseorang penjawat awam.

12. Sehubungan ini EAIC akan terus menilai dan menyiasat aduan-aduan salah laku dengan telus dan teliti bagi mengelakkan pegawai/agensi penguatkuasaan yang menjalankan tugas dengan suci hati daripada ditohmah. Saya juga ingin memberikan jaminan bahawa pendirian EAIC dalam menjalankan fungsinya adalah *neutral* dan tidak memihak kepada mana-mana pihak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Akhir sekali, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua pada hari ini. Besarlah harapan saya agar sesi dialog ini boleh dimanfaatkan oleh tuan-tuan dan puan-puan untuk mengutarakan soalan, aduan, komen atau cadangan yang berkaitan isu-isu integriti di kalangan agensi penguatkuasaan.
  
14. Selaku ahli panel bagi sesi dialog, kami akan bersedia memberikan respon, maklum balas dan mengambil tindakan susulan berdasarkan isu-isu yang dikemukakan.
  
15. Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya bagi pihak EAIC, sekali lagi merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan program ini dan diharap

*networking* dan *rappor* yang telah terbina pada hari ini akan berterusan pada masa akan datang.

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim saya dengan ini merasmikan Sesi Dialog Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan Seliaan bagi Zon Wilayah Persekutuan Labuan.

*Wabillahittaufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih.